

Masakan 1Malaysia – Dunia Masakan Yang Enak Lagi Menyelerakan

Kuala Lumpur, 24 Oktober, 2009 --- Menu istimewa yang klasik, masakan nostalgik serta pengalaman makan di restoran seperti zaman dahulu, masakan makanan ASEAN, wokshop memasak, 10 gerai makanan yang paling enak yang mesti dilawati dan lebih lagi ... inilah yang didapati dalam program *Fabulous Food 1Malaysia*. Program ini dijalankan selama tiga bulan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (TM) yang bertujuan untuk meraikan serta mempromosikan masakan tempatan yang unik dengan pelbagai aktiviti bagi menarik hati rakyat Malaysia dan pelawat-pelawat asing.

Beberapa zaman Malaysia (melalui Melaka, kemudian Malaya) sebagai laluan utama “*eastern spice route*” sememangnya telah dikatakan sebagai pusat makanan Asia yang menyediakan masakan yang bertaraf antarabangsa. Masakan Malaysia bukan hanya sejenis sahaja tapi pelbagai dan berakar ubi daripada penduduk berbilang kaumnya seperti Melayu, India, Cina, Nyonya, Eurasian dan kumpulan etnik daripada Sabah dan Sarawak, sejurus itu, menawarkan menu yang beranika serta masakan campuran yang unik menjadikan negara ini sebuah ‘syurga makanan’. Yang menjadikan masalah ialah bukan tidak dapat mencari makanan yang baik tapi cuba memilih apa yang hendak dirasakan. Dengan pelbagai hidangan yang enak, seseorang yang menikmati masakan Malaysia sememangnya pengalaman yang unik lagi menyeronokkan yang jarang boleh didapati di negara-negara lain.

Dengan itu sahlah seperti yang dinyatakan oleh Menteri Pelancongan Yang Berhormat Dato’ Sri Ng Yen Yen di majlis pelancaran rasmi logo *Fabulous Food 1Malaysia* pagi ini bahawa hidangan masakan Malaysia sememangnya hebat baik dari segi rasa, harum dan rupa seperti nama promosi ini iaitu *Fabulous Food 1Malaysia*.

“Dengan menambahkan perkataan 1Malaysia memberi makna yang lebih dalam iaitu lebih daripada rasa or rupa hidangan tersebut. Ia menyentuhkan perasaan dan hati setiap warga Malaysia dan merupakan satu jemputan untuk berkongsi bukan saja hidangan tersebut, tapi juga persahabatan yang terjalin semasa makan bersama. *Fabulous Food 1Malaysia* meraikan hidangan masakan Malaysia yang unik dan pelbagai yang sememangnya mencerminkan budaya Malaysia yang beranika”, kata Dato’ Sri Ng lagi.

Promosi ini dijalankan selama tiga bulan bermula awal bulan Oktober dengan Malaysia International Gourmet Food Festival. Ini akan disusuli pula dengan promosi hidangan masakan yang ditawarkan di pusat jualan makanan terdapat di gedung-gedung jualan pada bulan November. Sebelum itu, pada hujung bulan Oktober ASEAN *Heritage Food Trail* with Chef Wan akan dilancarkan yang menyediakan hidangan berbagai daripada rantauan ASEAN bermula 29 Oktober sehingga hujung November 2009. Di sini juga warga Malaysia boleh melihat sendiri tukang masak tukang masak terkenal daripada 10 buah negara termasuk Thailand, Cambodia,

Indonesia dan Malaysia menyediakan hidangan terbaik masing-masing di gedung jualan Lot 10 dan Avenue K.

Pada bulan Disember pula, pihak Kementerian bersama TM akan mempromosikan masakan jalanan/warung serta kedai-kedai makanan. Sebagai platform kedai-kedai makanan ini menunjukkan hidangan istimewa masing-masing serta membantu pelawat-pelawat asing mencari yang terbaik atau yang lebih enak, persatuan-persatuan makanan yang terlibat dalam promosi ini akan memilih 10 buah gerai/kedai makanan/restoran daripada setiap negeri di seluruh negara yang “mesti dilawati” atau “yang menyediakan hidangan paling enak” dalam tiga kategori. Ketiga-tiga kategori ini dipilih berdasarkan keunikan serta hubungan masakan tersebut dengan budaya serta warisan Malaysia iaitu Nasi Lemak, Laksa dan Bak Kut Tea (Tulang Daging Teh).

Adalah diharapkan Fabulous Food 1Malaysia akan dapat menyemarakkan industri pemakanan dan masakan di Malaysia serta menggalakkan perbualan mengenai hidangan-hidangan unik Malaysia dikalangan wargakota. Ini membolehkan rakyat tempatan menjadi lebih berpengetahuan mengenai cerita-cerita dibalik makanan tempatan kita dan berkongsi cerita-cerita ini dengan saudara-mara serta rakan mereka. Pihak Kementerian serta TM juga akan menjalankan pelbagai inisiatif yang lain bagi merangsangkan rakyat Malaysia menjadi “Duta-duta Hidangan Masakan” kita. Salah satu daripadanya ialah golongan pembawa-pembawa teksis yang sememang tau tempat makanan yang sedap.

“Kesemua ini disertai pula makanan tempatan kita murah dan disediakan ditempat yang bersih lagi dalam suasana yang menyenangkan membuat kita ingin berkongsi masakan unik kita dengan pelawat-pelawat asing supaya mereka akan datang kembali ke Malaysia”, tambah Dato Sri Dr. Ng lagi.

Program Fabulous Food 1Malaysia merangkumi tiga bahagian: yang pertama mempromosikan masakan ‘gourmet’ dan restoran-restoran lima bintang; yang kedua merangkumi hidangan masakan di pusat-pusat makanan di gedung-gedung jualan; dan ketiga mempromosikan makanan/masakan warung-warung serta gerai-gerai makanan

- Tamat -

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Mona Fairuz Nordin, Ketua Komunikasi Korporat

monafairuz@motour.gov.my

+603 4047 4422/+603 4043 0462

Hajjah A’eshah Hakim Tan Sri L. Abdullah, Pegawai Komunikasi Korporat

aeshah@motour.gov.my

+603 4047 4525/=603 4043 0462